

25 JUL 2003

Mahathir-Pelajar

PELAJAR HARUS TINGKATKAN DISIPLIN

MIRI, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan para pelajar supaya meningkatkan disiplin diri kerana nilai ini akan menjamin kejayaan kehidupan mereka kemudian hari.

Perdana Menteri berkata mempunyai disiplin diri yang baik adalah satu-satu nilai yang menentukan sama ada seseorang pelajar itu akan berjaya atau tidak setelah meningkat dewasa menempuh alam pekerjaan, perniagaan dan bidang-bidang lain yang diceburi.

"Jika tiada disiplin, kita tidak akan berjaya," katanya semasa merasmikan bangunan baru dan melancarkan perayaan ulang tahun ke-50 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chung Hua Miri di sini hari ini.

SMK Chung Hua ditubuhkan pada 1952 dengan 94 pelajar dan lima orang guru tetapi kini ia mempunyai 2,400 pelajar dan 20 peratus daripada jumlah itu adalah Bumiputera.

Pelajar di sekolah itu ditekankan untuk menguasai tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris dan Mandarin.

Menerangkan lanjut tentang pentingnya disiplin, Perdana Menteri berkata ramai ahli perniagaan yang gagal adalah di kalangan mereka yang tidak mempunyai disiplin diri yang teguh.

"Golongan yang tidak berdisiplin ini suka mencari jalan mudah dan singkat untuk mendapat untung dan melakukan kerja sesuka hati sahaja...dan mereka gagal," katanya.

Mengenai penguasaan bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata yang diperlukan bukan setakat pandai bercakap dan berkomunikasi sahaja, tetapi menguasai bahasa itu dengan mendalam.

"Dengan menguasai bahasa Inggeris yang dalam, kita dapat menguasai ilmu yang ada pada mereka dan boleh menjalankan penyelidikan yang akan menguntungkan negara dari hasil penyelidikan yang dijalankan,"katanya.

Dr Mahathir berkata selain itu, penting juga bagi rakyat Malaysia seperti orang Cina dan Melayu tahu berbahasa Iban kerana ini akan mengeratkan lagi persaudaraan dan perpaduan kaum di negara ini.

-- BERNAMA

MT FLL RON